

**Teks Ucapan Dari
Yang Berusaha Dr. Sunita Bavanandan
Pakar Perunding Kanan Nefrologi, Ahli Lembaga Pengarah NKF, dan
Pengerusi National Renal Registry (NRR)
Sempena
Sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia 2026
12 April 2026
Dewan Bankuet MBSA
Section 14, Wisma MBSA Shah Alam**

Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad

Menteri Kesihatan Malaysia
Kementerian Kesihatan Malaysia

Turut diiringi isteri beliau, **Yang Berbahagia Datin Seri Azlin Hezri**

Yang Berhormat Puan Jamaliah binti Jamaluddin

EXCO Kesihatan Awam dan Alam Sekitar, Selangor

Yang Berusaha Tuan Haji Mohd Firdaus bin Mokhtar

Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Shah Alam

Yang Berusaha Professor Dr Lim Soo Kun

Presiden, Persatuan Nefrologi Malaysia (MSN)

Yang Berusaha Encik Choo Kok Ming

Ketua Pegawai Eksekutif

Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia

Pengarah hospital, pakar nefrologi, pegawai perubatan, anggota paramedik, rakan-rakan media, pemimpin masyarakat, serta hadirin dan Hadirat sekalian yang dihormati.

Salam Sejahtera;

Syukur dan terima kasih kerana kita berpeluang berhimpun sekali lagi pada pagi ini untuk menyambut Hari Buah Pinggang Sedunia 2026.

Tahun ini, kita mengangkat tema “**Kidney Health for All – Caring for People, Protecting the Planet,**” yang menekankan bahawa penjagaan kesihatan buah pinggang adalah tanggungjawab bersama — bukan sahaja kepada diri sendiri, tetapi juga kepada masyarakat dan alam sekitar.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada **Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan Malaysia**, atas kesudian beliau hadir serta sokongan berterusan dalam memperkukuh penjagaan kesihatan buah pinggang di Malaysia.

Ucapan terima kasih juga kepada **Yang Berbahagia Datin Seri Azlin Hezri**, atas kesudian meluangkan masa untuk hadir ke majlis ini.

Pada kesempatan ini, saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada **Yang Berhormat Puan Jamaliah binti Jamaluddin**, EXCO Kesihatan Awam dan Alam Sekitar, Selangor dan **Yang Berusaha Tuan Haji Mohd Firdaus bin Mokhtar, Ahli Majlis**, Majlis Bandaraya Shah Alam, atas sokongan dan kerjasama yang diberikan, khususnya atas kesudian menyediakan ruang serta kehadiran mereka bagi menjayakan program pada hari ini.

Di samping itu, saya juga ingin menyampaikan penghargaan kepada semua yang hadir pada hari ini. Saya percaya kita semua berkumpul dengan tujuan dan tekad yang sama, iaitu untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan penjagaan buah pinggang demi memastikan kesihatan yang menyeluruh untuk rakyat Malaysia.

Kita semua sedar bahawa penyakit buah pinggang kronik mempunyai impak yang amat serius kepada masyarakat. Ramai pesakit hanya dikesan pada peringkat akhir apabila peluang untuk menyelamatkan fungsi buah pinggang amat tipis dan rawatan lebih mencabar serta membebankan pesakit dan keluarga mereka.

Menyedari hakikat ini, NKF terus menekankan usaha pencegahan dan pengesanan awal. Sejak 2008, lebih 600,000 individu telah disaring melalui program saringan kesihatan di seluruh negara.

NKF kini memberi tumpuan kepada pendekatan **saringan bersasar**, khususnya kepada golongan berisiko seperti pesakit yang mengidapi diabetes, penyakit jantung atau tekanan darah tinggi, serta warga emas. Pada masa yang sama, NKF juga menggalakkan orang ramai untuk **menjalani pemeriksaan kesihatan secara berkala** agar penyakit ini dapat dikesan lebih awal.

Hadirin dan hadirat sekalian, izinkanlah saya untuk berkongsi lagi berkenaan *Inisiatif and komitmen NKF. Pertama sekali adalah*

i) *Kerjasama Strategik*

Pada bulan Februari, satu kerjasama strategik telah dimeterai antara Kementerian Kesihatan Malaysia, NKF serta 12 organisasi bukan kerajaan bagi memperkukuh usaha pencegahan dan pengesanan awal penyakit tidak berjangkit (NCDs).

Kerjasama ini memberi tumpuan kepada beberapa bidang utama, termasuk:

- menyelaraskan program saringan komuniti dengan Inisiatif Saringan Kesihatan Kebangsaan (National Health Screening Initiative - NHSI) di bawah KKM;
- pengukuhan laluan rujukan (referral pathways) bagi individu-individu yang dikenal pasti berisiko menghidap penyakit tidak berjangkit (NCD); serta
- penggunaan data secara lebih tersusun bagi meningkatkan pemantauan dan keberkesanan intervensi kesihatan awam.

Kerjasama ini juga selaras dengan aspirasi Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 2030, khususnya dalam memperkukuh kesihatan awam dan mengurangkan beban penyakit tidak berjangkit.

Pada peringkat awal, NKF telah melaksanakan saringan di **43 lokaliti KOSPEN**, dengan hampir **2,000 anggota komuniti telah disaring**.

Bagi fasa seterusnya, tumpuan akan diberikan kepada:

- peluasan program saringan komuniti ke lebih banyak lokaliti;
- latihan sukarelawan KOSPEN bagi memperkukuh kapasiti komuniti dalam saringan, pendidikan kesihatan dan rujukan; serta
- pemerkasaan sistem rujukan dari komuniti ke klinik kesihatan bagi menyokong intervensi awal dan pencegahan sekunder.

Antara rakan kerjasama yang terlibat termasuk organisasi dalam bidang kanser, kesihatan mental, penyakit jantung dan strok, serta penyakit jarang berlaku — seperti National Cancer Society of Malaysia, Malaysian Mental Health Association dan National Stroke Association of Malaysia, sekadar menyebut beberapa contoh.

Kerjasama ini mencerminkan komitmen berterusan semua pihak dalam memperkukuh kerjasama antara kerajaan dan NGO, dengan matlamat untuk mempertingkatkan pencegahan, pengesanan awal dan pengurusan penyakit demi kesihatan rakyat Malaysia.

Inisiatif strategik kedua adalah

ii) *Memorandum Persefahaman Penyakit Jarang Jumpa*

Bersempena sambutan **Rare Disease Month** pada bulan yang sama, NKF juga telah menandatangani satu Memorandum Persefahaman (MoU) bersama MSN, disaksikan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Inisiatif ini bertujuan untuk membantu pesakit mendapatkan diagnosis yang lebih awal dan tepat, seterusnya membolehkan rawatan yang bersesuaian diberikan. Ini juga mencerminkan komitmen NKF dalam memastikan tiada pesakit yang ketinggalan, termasuk mereka yang mengidapi penyakit jarang jumpa.

iii) *PD-First & Transformasi Rawatan*

Dalam pengurusan penyakit buah pinggang tahap akhir, pendekatan seperti peritoneal dialisis semakin mendapat perhatian kerana ia membolehkan rawatan dijalankan di rumah, sekali gus meningkatkan kualiti hidup pesaki. Rawatan PD juga adalah lebih mesra alam.

Seiring dengan keperluan yang semakin meningkat, NKF merancang untuk menubuhkan **empat (4) pusat latihan PD baharu** yang akan ditempatkan **bersama pusat hemodialisis sedia ada** di Perlis, Kedah, Sarawak dan Sabah.

Dalam masa yang sama, NKF akan membuka **pusat dialisis baharu di Batang Kali**, serta melaksanakan **pengembangan kapasiti di Sarikei** bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat.

Selain itu, NKF turut merancang untuk membangunkan **dua (2) pusat dialisis bersepadu di Sabah**, yang merangkumi perkhidmatan hemodialisis (HD), latihan PD serta kaunseling CKD, bagi memperluaskan akses kepada penjagaan yang lebih menyeluruh.

Akhir sekali..

iv) *Sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia 2026*

Hadirin dan hadirat sekalian,

Sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia pada hari ini turut diserikan dengan penganjuran forum yang memberi tumpuan kepada pendekatan holistik dalam pengurusan CKD, termasuk aspek kesejahteraan emosi, pemakanan dan penjagaan rawatan.

Selaras dengan tema tahun ini, kami turut mengetengahkan konsep Green Nephrology, yang menghubungkan penjagaan kesihatan dengan kelestarian alam sekitar. Inisiatif seperti sesi forum “**Emotional Wellbeing, Diet and Medication Care**”, “**Eat Well, Live Green**” dan **Green Kidney Contest Awards 2026** mencerminkan usaha ke arah sistem penjagaan kesihatan yang lebih mampan dan mesra alam.

Kami berbesar hati atas kesudian barisan penceramah, moderator dan panelis yang berkongsi kepakaran serta pandangan yang amat berharga.

Platform seperti ini penting dalam memperkukuh kefahaman dan kerjasama bukan sahaja antara kalangan profesional kesihatan, tetapi juga pesakit dan masyarakat umum.

NKF akan terus memainkan peranan dalam meningkatkan kesedaran, memperluaskan saringan, serta menyokong pesakit dalam perjalanan rawatan mereka.

Sekali lagi, terima kasih kepada **Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad**, Menteri Kesihatan Malaysia, dan isteri, **Yang Berbahagia Datin Seri Azlin Hezri** kerana sudi meluangkan masa hadir ke majlis ini, serta semua tetamu kehormat atas kehadiran dan sokongan yang amat bermakna.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada semua penaja, rakan strategik dan peserta yang telah menjayakan sambutan pada hari ini. Di luar acara tahunan ini, usaha perlu diteruskan secara konsisten agar kita dapat mengelak dan merawat penyakit buah pinggang dengan lebih berkesan.

Sekian, terima kasih.